



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**PENDEKATAN PENGUBATAN BERTERASKAN SPIRITUAL ISLAM
DALAM MENANGANI MASALAH SOSIAL MASYARAKAT**

**[REHABILITATION APPROACH BASED ON ISLAMIC SPIRITUALITY IN
OVERCOMING SOCIAL PROBLEMS AMONG MALAYSIAN SOCIETY]**

MOHD SYUKRI ZAINAL ABIDIN ^{1*}
CHE ZARRINA SA'ARI ¹
SHARIFAH BASIRAH SYED MUHSIN ¹
SYED MOHAMMAD HILMI SYED ABDUL RAHMAN ¹
MOHD MANAWI MOHD AKIB ²
MOHD AFIFUDDIN MOHAMAD ³
MOHD AMIRUL HUSNI ZULKIFLI ¹

¹Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603
Kuala Lumpur Malaysia

²Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 UKM Bangi Selangor Malaysia

³Institut Perubatan dan Pergigian Termaju Universiti Sains Malaysia Bertam 13200 Kepala
Batas Pulau Pinang Malaysia

*Corresponding author: syukri1990@um.edu.my

Received Date: 10 July 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Malaysia sudah pun memasuki era baru iaitu zaman 2020 yang ditunggu-tunggu oleh semua pihak. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang membangun, isu masalah sosial tidak dapat dipisahkan. Bukan itu sahaja, masyarakat di bandar mahupun luar turut mempunyai statistik masalah sosial yang meresahkan. Fokus utama dalam menangani masalah sosial sewajarnya menumpukan pendekatan berorientasi kepada aspek spiritual atau kerohanian tanpa pengabaian aspek lain. Oleh yang demikian, artikel ini menyasarkan suatu misi dengan mengemukakan langkah pro-aktif iaitu mengkaji mengenai pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam dalam menangani masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negara hari ini. Artikel ini mengetengahkan pendekatan metode campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam dihasilkan menerusi penelitian terhadap literatur dan temu bual bersama tiga orang pakar. Pendekatan ini turut mendapat penilaian dan pengesahan lima orang pakar dengan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan kesahan yang tinggi. Analisis kandungan digunakan pada fasa pertama, dan analisis khas metode Fuzzy Delphi digunakan pada fasa kedua. Berdasarkan pengumpulan data yang dijalankan, pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam dijangkakan memberikan kesan yang positif dalam menangani masalah sosial masyarakat.

Kata Kunci: pengubatan, spiritual Islam, masalah, sosial, masyarakat.

Abstract

Malaysia has progressed to the much-anticipated 2020s. Along with the progression, however, as a developing country, social issues are seemingly inextricable. This is further indicated through the alarming statistics on social problems for both urban and rural society. Therefore, the chief focus to resolve the social issues ought to be directed towards a spiritual-oriented aspect without disregarding other aspects. Accordingly, this article attempts to undertake a proactive step by studying a rehabilitation approach based on Islamic spirituality in overcoming social issues in society. This study utilizes a mixed-method research design of qualitative and quantitative research. The approach is formulated by perusing literature sources and interviewing three experts. For high validity outcome, this approach is reviewed and validated by five experts. Content analysis is used in the first phase, while a more distinctive analysis method, Fuzzy Delphi, is used in the second phase. The outcome from data collection is expected to deliver a positive result in resolving social problems in society.

Keywords: pengubatan, spiritual Islam, masalah, sosial, masyarakat.

Cite as: Mohd Syukri Zainal Abidin, Che Zarrina Sa'ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Mohd Manawi Mohd Akib, Mohd Afifuddin Mohamad & Mohd Amirul Husni Zulkifli. 2022. Pendekatan Pengubatan Berteraskan Spiritual Islam dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat [Rehabilitation Approach based on Islamic Spirituality in Overcoming Social Problems among Malaysian Society]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 318-323.

PENGENALAN

Gejala sosial bukanlah satu perkara yang asing lagi bagi masyarakat di Malaysia. Antara gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat adalah seperti masalah disiplin pelajar, lari dari rumah, pelacuran, penagihan dadah dan sebagainya (Ahmad Redzuwan, 2003). Gejala sosial ini telah merebak dengan cepat bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Yang dibimbangkan ialah gejala sosial bukan sahaja berlaku kepada para remaja atau pemuda, malah ianya juga telah berlaku pada kanak-kanak yang berusia tidak mencecah belasan tahun. Peningkatan statistik gejala sosial bukan sahaja telah menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat, bahkan pelancong serta pelabur. Jika perkara sedemikian tidak dapat diatasi dan dibendung, ianya akan memberikan impak yang negatif dari pelbagai aspek di negara Malaysia.

Walaupun para pemimpin mendakwa gejala sosial masih dapat dikawal dan dibendung dalam negara, namun untuk melalui masa depan yang masih panjang ke hadapan, sudah tentu ianya menjadi suatu perkara yang dibimbangkan. Pihak pemimpin tertinggi perlu menyediakan satu inisiatif yang berkesan bagi menangani gejala sosial di masa hadapan bagi membendung masalah ini untuk teruk merebak ke generasi akan datang (Zulkifli, 2004). Menurut Haslinda (2009), masalah gejala sosial mempunyai perkaitan dengan pengabaian terhadap peranan agama. Ia merupakan manifestasi ketandusan nilai spiritual yang menimpa diri seseorang. Sebelum kedatangan Islam, spiritual masyarakat adalah kosong, maka berlakunya pergaduhan sesama sendiri, penindasan pada wanita, pembunuhan anak perempuan dan pelbagai perbuatan songsang. Oleh yang demikian, menurut Mohd Saiful Akmal, Ahmad Sunawari & Faudzinaim (2021), kekuatan spiritual hasil pendidikan akhlak Islam diperlukan bagi membentuk nilai

terpuji dalam diri seseorang. Sejarah telah membuktikan kejayaan Rasulullah SAW membawa perubahan masyarakat jahiliah kepada bangsa yang bertamadun. Tingkah laku yang terpuji menjadi pemangkin kepada kemajuan negara, manakala perbuatan yang buruk antara penyebab kepada keruntuhan tamadun manusia (Baharom, Ali & Zaaba, 2008). Sekiranya fungsi agama tidak diterjemahkan dalam kehidupan, maka akan muncul pelbagai masalah dan gejala sosial yang kelihatan di luar dugaan orang yang rasional dan beriman.

Secara umumnya, kajian-kajian mengenai gejala sosial sudah banyak dijalankan di kebanyakan universiti awam atau swasta di Malaysia. Walau bagaimanapun, menurut Azlina (2010), penyelidikan yang dapat memberi sumbangan terhadap dasar negara terutama berkait dasar pembangunan sosial negara perlu diketengahkan demi kesejahteraan masyarakat. Antara pendekatan keagamaan yang boleh diterapkan bagi menangani gejala sosial dalam masyarakat ialah dengan membaca al-Quran dan melaksanakan solat. Kaedah atau metode al-Quran dalam merawat masalah sosial yang rosak merupakan antara pendekatan yang terbaik menurut Sahlawati et al. (2017). Bukan itu sahaja, menurut Siti Marziah & Nur Afifah (2017), kelalaian dalam menunaikan solat wajib juga antara faktor pendorong kepada berlakunya gejala sosial. Oleh yang demikian, artikel ini mengkaji pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam dalam menangani masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negara hari ini.

PENGUBATAN ISLAM

Pengubatan Islam bukanlah suatu perkara yang asing lagi pada masyarakat kini. Ianya telah banyak dikembangkan oleh perawat yang menggunakan kaedah perawatan yang terkandung dalam al-Quran serta diajarkan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW. Di Malaysia khususnya, terdapat pelbagai pusat pengubatan yang mengaplikasikan kaedah rawatan berteraskan Islam dalam perawatan mereka bagi menangani masalah seseorang. Antara pusat pengubatan tersebut adalah seperti Pusat Rawatan Islam MANARAH, Pusat Terapi Islam al-Fatah dan Pusat Rawatan Islam Darul Uloom al-Mustafa. Pusat pengubatan ini menggunakan pendekatan rawatan yang berteraskan panduan serta saranan daripada Islam.

Secara amnya, rawatan atau pengubatan ialah salah satu kaedah yang digunakan bagi memelihara serta menjaga nikmat kesihatan yang telah diberikan oleh Allah SWT. Kesihatan seseorang bukan sahaja dilihat pada aspek fizikal semata-mata, bahkan ia juga merangkumi elemen spiritual. Antara contoh dalam menjaga kesihatan fizikal adalah seperti merawat atau mengubat cedera akibat luka, tulang patah, barah dan sebagainya. Manakala, dalam menjaga kesihatan spiritual pula adalah dengan cara meningkatkan kekuatan dalam diri seseorang melalui pengamalan zikir, memperbanyakkan selawat, termasuk juga mengambil pemakanan yang halal lagi baik dan sebagainya.

Mohd Farhan et al. (2016), pengubatan berteraskan Islam bukanlah suatu perkara yang baharu kerana ia sudah mula dipelopori oleh orang Muslim pelbagai bangsa pada masa lampau dan dikembangkan sehingga diguna pakai pada masa kini. Namun, tambahan beliau lagi di Malaysia secara khusus, pengubatan berteraskan Islam juga dikenali sebagai satu kaedah perubatan alternatif yang mampu menyediakan kaedah rawatan pelengkap apabila kaedah perubatan sedia ada yang mana tidak mampu menampung atau membantu merawat serta menyelesaikan masalah sedia ada. Apabila dipandang dari sisi Islam, pengubatan berteraskan Islam merupakan satu rawatan yang perlu berteraskan hukum syarak yang telah ditetapkan

dalam Islam dari segi penyediaan dan pelaksanaan rawatan. Secara khususnya, pengamal atau perawat dalam pengubatan Islam melakukan rawatan bagi menangani masalah fizikal dan spiritual mahupun gangguan makhluk halus.

Menurut Ibnu Sina, rawatan atau pengubatan yang diamalkan dalam Islam bukanlah seperti yang dipraktikkan pada dunia Barat iaitu memisahkan antara agama dan sains. Pengubatan perlu diselarikan kedua-dua elemen tersebut bagi mendapatkan kaedah rawatan yang mematuhi hukum syarak dalam agama (Zulkifli & Wahairi, 2009). Selain itu, Islam juga mementingkan untuk mencegah terhadap sesuatu penyakit terutama dalam hal pemakanan manusia. Allah SWT dan Rasulullah SAW telah banyak menganjurkan untuk menjaga pemakanan seperti mencegah dalam pengambilan arak, dadah, rokok dan lain-lain yang boleh menyebabkan kemudaratan pada diri manusia. Manakala, makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran, madu, susu unta, air zam-zam dan lain-lain pula digalakkan untuk menjadi *asbab* kepada kesihatan manusia.

Istilah pengubatan berteraskan Islam bukanlah hanya tertumpu kepada jampi atau bahan yang digunakan dan disebut oleh Nabi Muhammad SAW dalam menjalankan rawatan semata-mata, bahkan ianya menyeluruh kepada semua jenis rawatan yang berasaskan kaedah yang benar, bukan haram, khurafat atau syirik selagi mana ia diizinkan oleh Islam. Selain itu juga, rawatan yang diamalkan secara tradisi oleh masyarakat Melayu, Cina dan India selagi mana tidak melanggar hukum yang telah ditetapkan oleh syarak, maka kaedah rawatan tersebut diterima dan boleh diaplikasikan dalam rawatan (Mohd Asri, 2021).

Selain itu, pengubatan berteraskan Islam juga merupakan satu bentuk ikhtiar atau usaha seseorang dalam mencari kesembuhan terhadap penyakit yang dihadapi sama ada melibatkan permasalahan berkaitan fizikal, emosi mahupun spiritual. Walau bagaimanapun, pengubatan berteraskan Islam bukanlah berperanan sebagaimana rawatan alopatis, akan tetapi ia merupakan pelengkap bagi rawatan yang diterima. Bukan itu sahaja, pengubatan berteraskan Islam juga boleh digunakan sebagai suatu bentuk rawatan alternatif dalam meneruskan ikhtiar bagi penyakit yang masih belum sembuh setelah melalui mana-mana kaedah rawatan perubatan secara konvensional mahupun moden, alopatis ataupun homeopati.

Pendekatan Pengubatan Berteraskan Spiritual Islam dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat

Menurut perspektif psikologi, masalah sosial dalam kalangan masyarakat berpunca daripada kehendak dalaman yang tidak baik seterusnya mengarah kepada tingkah laku yang negatif. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk memperbaiki elemen dalaman yang ada dalam diri setiap manusia. Dalam hal ini, penyucian diri atau rawatan berteraskan spiritual Islam perlu menumpukan kepada unsur spiritual seperti roh, hati dan nafsu. Antara pendekatan boleh digunakan untuk menangani masalah sosial masyarakat ialah pengubatan berteraskan spiritual Islam.

Pengubatan berteraskan spiritual Islam merupakan kaedah rawatan spiritual yang berteraskan daripada sumber rujukan yang utama seperti al-Quran, al-Sunnah dan amalan para salafus soleh yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah yang telah ditetapkan dalam agama. Pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam menurut Mohd Rushdan (2015) boleh diaplikasikan dalam menyembuhkan pelbagai konflik diri, emosi dan pemikiran yang

melibatkan masalah dalaman. Bidang spiritual Islam mempunyai kaitan rapat dengan ilmu metafizikal dan psikologikal di samping memperkukuhkan lagi hubungan perkaitan proses mental, pengalaman dan sikap manusia.

Pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Penghayatan Akidah, Penghayatan Ibadah dan Penghayatan Tasawuf. Ajaran Islam yang mengandungi elemen akidah, ibadah, dan tasawuf merupakan suatu metodologi yang berstruktur dalam memastikan kesihatan pada pemikiran seseorang. Sebagai contoh, penghayatan akidah Islam berpotensi dalam mempengaruhi serta memberi kesan kepada diri seseorang (Norsaleha & Abdul Halim, 2015). Begitu juga kandungan yang terdapat dalam ajaran Islam boleh membantu melahirkan kesihatan mental dalam diri. Justeru, penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, tasawuf memberi pengaruh serta kesan kepada aspek dalaman atau spiritual seseorang.

1. Penghayatan Akidah

Islam menghubungkan antara iman dan kesihatan psikologi (Muhammad 'Izzu al-Din, 2002). Pembentukan diri bermula daripada pembinaan kekuatan akidah. Nilai akidah yang ditanam dalam diri sejak kecil melahirkan individu yang seimbang akal, emosi dan spiritual (Sayed Sabiq 2003) serta berpotensi menjadi pelindung kepada perkara-perkara yang menyesatkan (Zakaria & Ab. Halim, 2010). Ini kerana kekuatan akidah membentuk perwatakan mulia, tingkah laku yang baik dari sudut fizikal, mental mahupun emosi (Tajul Ariffin & Nor 'Aini, 2002). Menurut Rosni et al. (2020), masalah gejala sosial seperti penagihan dadah, melakukan hubungan seks, minum minuman keras dan meninggalkan solat merupakan manifestasi daripada penghayatan akidah yang rendah. Bukan itu sahaja, kelemahan penghayatan akidah dalam diri seseorang turut mengancam kesejahteraan diri sehingga mengakibatkan gejala sosial yang berkaitan gangguan kesihatan mental seperti kemurungan yang mana akhirnya boleh membawa kepada perbuatan membunuh diri (al-Kindi, t. Th.). Oleh yang demikian, penghayatan akidah berperanan membentuk keperibadian yang mulia.

Penghayatan akidah adalah dengan melaksanakan sepenuh penumpuan yang utuh terhadap penghayatan iman berdasarkan rukun iman. Pendekatan ini bagi merawat kecelaruan yang berkaitan dengan kepercayaan, pemikiran dan pegangan hidup seseorang. Asas pendekatan ini telah dibuktikan melalui model rawatan Nabi Muhammad SAW dengan memulihkan para masyarakat Arab jahiliah pada masa itu kepada menjadi sebaik-baik manusia seperti para sahabat. Walau bagaimanapun, bagi memastikan akidah itu benar-benar dihayati dalam hati, pelaksanaan ibadah sebagai lambang kepatuhan perlu dilakukan seperti solat, puasa, zakat, mengerjakan haji, membaca al-Quran, berzikir, berdoa, bertafakur dan lain-lain lagi.

2. Penghayatan Ibadah

Ibadah mempunyai skop yang luas, ianya bukan sahaja tertumpu kepada aspek fizikal sahaja, malahan, ianya juga merangkumi aspek spiritual. Walau bagaimanapun, dalam hal ini pasukan kajian memberikan penekanan kepada beberapa kaedah penghayatan terapi ibadah tertentu yang menjadi kelaziman bagi masyarakat Islam seperti pelaksanaan wuduk, solat dan puasa.

Wuduk adalah satu kaedah yang telah ditetapkan dalam Islam sebelum seseorang menunaikan ibadah seperti solat. Tujuan berwuduk adalah untuk mendidik sifat bersih dan menyucikan manusia daripada kekotoran jasmani mahupun rohani (Qurrotul Aien, 2012). Selain dapat membersihkan secara fizikal berkaitan anggota wuduk, wuduk boleh dijadikan sebagai terapi dalam membersihkan hati dan fikiran daripada perkara-perkara yang negatif yang boleh membuatkan seseorang terjerumus ke dalam masalah gejala sosial. Dengan pengamalan berwuduk dapat membuka ikatan-ikatan syaitan yang selalu membisikkan dalam diri seseorang supaya melakukan perbuatan yang dimurkai Allah SWT.

Al-Quran telah memberi jaminan terhadap kesan pelaksanaan solat iaitu dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar. Menurut Anas (2012), dua syarat yang perlu dilaksanakan agar solat memberi kesan iaitu melakukan solat dengan sempurna, rapi perbuatannya, menjaga waktunya, tidak lalai, ikhlas, menepati kaedah berdasarkan Al-Quran dan Sunnah serta mendirikan solat dengan penuh khusyuk'. Solat merupakan terapi psikologi yang membantu jiwa menjadi lebih tenang dan menghilangkan tekanan perasaan yang disebabkan oleh pelbagai masalah dalam kehidupan (Nor Azah, 2011). Kajian Nor Azah & Syakirah (2008) dan Fazilah Idris et al. (2012) juga mendapati bahawa solat berupaya mengurangkan tekanan darah, menghilangkan stres dan mampu menghalang individu daripada berkelakuan keji.

Puasa boleh dijadikan sebagai terapi apabila seseorang itu bukan sahaja sekadar menahan lapar dan dahaga, namun dia tidak melakukan segala perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Antaranya ialah menjaga mata daripada memandang perkara-perkara maksiat, menjaga telinga daripada mendengar perkara-perkara yang tidak bermanfaat, menjaga lisan daripada bercakap perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti berbohong, mengumpat, mengadu domba, memfitnah, menjaga kaki agar tidak menuju ke tempat-tempat sia-sia dan sebagainya. Dalam hal ini, seseorang yang melakukan menghayati pelaksanaan ibadah puasa dengan sebaiknya akan memperoleh ketakwaan daripada Allah SWT. Bukan itu sahaja, puasa juga boleh dijadikan sebagai satu amalan yang dapat mendidik manusia untuk mengamalkan sifat mahmudah dan membuang sifat mazmumah. Menurut Mohd Nasir & Wan Ismail (2013), puasa adalah salah satu cara yang ditunjukkan oleh Islam dalam menangani sifat-sifat negatif ini.

3. Penghayatan Tasawuf

Tasawuf dari sudut pandangan Islam mempunyai pelbagai takrif yang berbeza mengikut penilaian daripada seseorang ulama itu sendiri. Ini kerana definisi tersebut terhasil daripada pengalaman kerohanian masing-masing. Secara asasnya, tasawuf adalah merujuk kepada falsafah hidup dengan tujuan untuk meningkatkan jiwa manusia yang boleh dicapai melalui amalan tertentu. Dengan amalan-amalan yang dilakukan ini akan membawa manusia untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selain itu, tasawuf juga merupakan satu kaedah dan pendekatan untuk memurnikan hati bagi melahirkan insan yang soleh dan solehah (Nozira, 2017).

Terdapat dua asas penghayatan tasawuf yang perlu dipatuhi dalam usaha menangani gejala sosial. Pertama ialah niat yang benar untuk menyucikan diri daripada segala sifat mazmumah dan menggantikan dengan sifat mahmudah semata-mata kerana Allah SWT.

Dengan erti kata lain berniat untuk meninggalkan segala perkara-perkara mungkar yang ditegah oleh Allah SWT dan menggantikannya dengan perkara yang disuruh oleh Allah SWT. Yang kedua adalah usaha yang tekad dan jitu untuk bermujahadah dalam melawan bisikan syaitan, godaan nafsu dan hasutan dalam kalangan manusia yang tidak bertanggungjawab bagi menggantikan sifat mazmumah dengan sifat mahmudah kerana Allah SWT. Antara pendekatan yang boleh dilakukan seperti taubat, sabar dan reda.

Pendekatan taubat boleh diaplikasikan dengan mengakui kesalahan, berikrar, berazam dan menyesali segala perbuatan dosa yang telah dilakukan serta berjanji tidak akan mengulangi perbuatan yang tidak baik. Usaha ini menjadikan membentuk Muslim yang terbaik, berjaya di dunia dan bahagia di akhirat. Pendekatan ini menerapkan pegangan hati yang utuh untuk berubah menjadi lebih baik daripada belenggu perbuatan salah dan aktiviti tidak bermoral. Dengan pelaksanaan yang bersungguh-sungguh dan bimbingan daripada semua pihak, seseorang individu akan dapat berubah ke arah yang lebih baik.

Sabar adalah menahan diri daripada rasa gelisah, marah dan cemas, menahan lidah daripada mengungkapkan kata-kata yang tidak baik dan menahan anggota badan daripada melakukan kekacauan (Ibn Qayyim, 2001). Menurut M. Quraish (2007), sabar juga dapat menahan diri atau membatasi jiwa daripada keinginan yang tidak baik demi mencapai sesuatu yang baik atau lebih baik. Kesungguhan seseorang bersabar berupaya menjauhkan diri daripada segala dorongan hawa nafsu dan bisikan syaitan serta menjerumus ke arah kemungkaran. Dengan pendekatan sabar, jiwa dan mental seseorang akan berada di dalam keadaan yang stabil supaya tidak terpengaruh untuk melakukan perkara-perkara yang membawa kepada gejala sosial.

Sifat reda terhadap Allah SWT dapat menghiasi peribadi seseorang melalui sifat-sifat positif yang terzahir akan menenggelamkan aura negatif yang datang daripada kesakitan fizikal (Hasimah, Che Zarrina & Ee Chin, 2017). Dalam sesetengah keadaan, seseorang melakukan perbuatan salah disebabkan oleh apa yang menimpa dirinya terutama melibatkan ujian atau musibah. Sebagai contoh, seseorang yang diuji dengan ujian kesakitan, mereka akan merasa sangat tertekan atas nasib yang menimpanya. Aplikasi reda dapat diterapkan bagi mengelakkan individu tersebut menghadapi kesedihan berpanjangan, kemurungan sehingga membawa kepada pemikiran untuk membunuh diri.

Pandangan Pakar Terhadap Pendekatan Pengubatan Berteraskan Spiritual Islam dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat

Satu sesi perbincangan bersemuka bersama lima orang pakar dalam bidang tasawuf, psikospiritual dan pengubatan Islam telah diadakan. Perbincangan ini menggunakan metode *Fuzzy Delphi* bagi memastikan ketepatan reka bentuk dan pembangunan yang dihasilkan iaitu Pendekatan Pengubatan Berteraskan Spiritual Islam dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat. Untuk tujuan tersebut, setiap pakar telah diberikan soal selidik untuk diisi dan ruangan pandangan serta cadangan turut disediakan. Dengan kata lain, para pakar diminta untuk membuat pengesahan terhadap setiap item yang diketengahkan. 7 skala likert digunakan dalam soal selidik bagi mendapatkan data yang lebih tepat.

Setiap nilai persetujuan atau kesesuaian akan ditandakan oleh setiap pakar dalam

berdasarkan likert yang disediakan, kemudian dianalisis berdasarkan kepada tiga syarat kesepakatan pakar iaitu nilai *threshold* (d); peratus kesepakatan pakar; dan nilai skor fuzzy (A). Pertama sekali, hasil dapatan dianalisis berdasarkan *triangular fuzzy number* di mana ia bertujuan untuk mendapatkan nilai *threshold* (d). Oleh yang demikian, syarat pertama yang perlu dipatuhi adalah nilai *threshold* (d) mestilah kurang atau sama dengan 0.2. Proses seterusnya adalah penentuan syarat kedua dilakukan di mana penentuan nilai peratusan kesepakatan pakar dijalankan. Nilai peratus kesepakatan pakar mestilah sama atau lebih daripada 75.0%. Penganalisisan data menggunakan *average of fuzzy numbers @ average response (Defuzzification Process)*. Akhir sekali adalah proses untuk mendapatkan nilai skor fuzzy (A). Untuk memastikan syarat ketiga dipatuhi, nilai skor *fuzzy* (A) mestilah melebihi atau sama dengan nilai median (nilai α – cut) iaitu 0.5.

Jadual 1 Demografi pakar penilai.

Kepakaran	Jawatan	Tempoh Berkhidmat
Tasawuf	Professor Madya	30 tahun
	Pensyarah Kanan	15 tahun
Psikospiritual Islam	Professor Madya	16 tahun
	Pensyarah Kanan	20 tahun
Khidmat Rawatan Islam dan Bantu Mula Psikologi	Tenaga Pengajar Kursus Pengubatan Islam dan Ketua Perawat Darussyifa', Bangi	10 tahun

HASIL PENILAIAN PAKAR

Terdapat 4 elemen yang dinilai oleh pakar iaitu melibatkan pendekatan secara keseluruhan, diikuti penilaian terhadap penghayatan akidah, penghayatan ibadah dan penghayatan tasawuf. Perincian tersebut dapat dilihat sebagaimana jadual-jadual di bawah:

Jadual 2 Bahagian A: Penilaian keseluruhan Pendekatan Pengubatan Berteraskan Spiritual Islam dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat

ITEM	
A1	Kandungan pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam dalam menangani masalah sosial masyarakat.
A2	Kandungan pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam boleh diaplikasi dalam menangani masalah sosial masyarakat.
A3	Kandungan pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam bersesuaian dalam menangani masalah sosial masyarakat.
A4	Kandungan keseluruhan pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam lengkap dalam menangani masalah sosial masyarakat.
A5	Kandungan keseluruhan pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam

dijangka memberikan kesan dalam menangani masalah sosial masyarakat.

Jadual 3 Proses Menentukan Nilai 'D' (*Threshold Value*)

PAKAR	ITEM A				
	1	2	3	4	5
1	0.031	0.092	0.000	0.138	0.000
2	0.031	0.092	0.000	0.138	0.000
3	0.031	0.061	0.000	0.031	0.000
4	0.031	0.061	0.000	0.031	0.000
5	0.122	0.061	0.000	0.256	0.000
Nilai d setiap item	0.049	0.073	0.000	0.118	0.000

Jadual 4 Proses Menentukan Peratusan Kesepakatan Setiap Item dan Keseluruhan Item

	ITEM A				
	1	2	3	4	5
Bilangan Item $d \leq 0.2$	5	5	5	5	5
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 5 *Defuzzification Process*

Pakar	Item															
	1			2			3			4			5			
1	0.			0.			0.			0.			0.			
2	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1	
3	0.			0.	0.		0.			0.	0.		0.			
4	9	1	1	7	9	1	9	1	1	7	9	1	9	1	1	
5	0.	0.		0.	0.		0.			0.	0.	0.	0.			
	7	9	1	7	9	1	9	1	1	5	7	9	9	1	1	
<i>Defuzzification Process</i>																
	0.	0.	1.	0.	0.	1.	0.	1.	1.	0.	0.	0.	0.	1.	1.	
	8	9	0	7	9	0	9	0	0	7	9	9	9	0	0	
Purata Setiap Unsur	6	8	0	8	4	0	0	0	0	4	0	8	0	0	0	
	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	
	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	
<i>Average Of Fuzzy</i>																
<i>Number (Skor Fuzzy)</i>	0.947			0.907			0.967			0.873			0.967			

Berdasarkan Jadual 3 di atas, kesemua item mempunyai nilai *threshold* ($d \leq 0.2$).

Sekiranya nilai purata dan penilaian pakar adalah kurang dari nilai threshold 0.2, item tersebut telah mendapat konsensus pakar. Peratus persetujuan pakar juga menunjukkan item A1, A2, A3, A4 dan A5 melebihi 75%. Namun begitu, kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α -cut = 0.5. Maka syarat ketiga dipatuhi.

Jadual 6 Bahagian B: Penilaian Pendekatan Penghayatan Akidah dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat.

ITEM	
B1	Kandungan pendekatan penghayatan akidah dalam menangani masalah sosial masyarakat menepati kaedahnya.
B2	Kandungan pendekatan penghayatan akidah boleh diaplikasi dalam masalah sosial masyarakat.
B3	Kandungan pendekatan penghayatan akidah bersesuaian dalam menangani masalah sosial masyarakat.
B4	Kandungan pendekatan penghayatan akidah lengkap dalam menangani masalah sosial masyarakat.
B5	Kandungan pendekatan penghayatan akidah dijangka memberikan kesan dalam menangani masalah sosial masyarakat.

Jadual 7 Proses Menentukan Nilai 'D' (*Threshold Value*)

PAKAR	ITEM B				
	1	2	3	4	5
1	0.092	0.000	0.061	0.108	0.000
2	0.092	0.000	0.061	0.108	0.000
3	0.061	0.000	0.061	0.054	0.000
4	0.061	0.000	0.092	0.108	0.000
5	0.061	0.000	0.092	0.284	0.000
Nilai d setiap item	0.073	0.000	0.073	0.132	0.000

Jadual 8 Proses Menentukan Peratusan Kesepakatan Setiap Item dan Keseluruhan Item

	ITEM B				
	1	2	3	4	5
Bilangan Item $d \leq 0.2$	5	5	5	5	5
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 19 *Defuzzification Process*

PAKAR	ITEM														
	1			2			3			4			5		
	0.			0.			0.			0.			0.		
1	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1
	0.			0.			0.			0.			0.		
2	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1
	0.	0.		0.			0.			0.	0.		0.		
3	7	9	1	9	1	1	9	1	1	7	9	1	9	1	1
	0.	0.		0.			0.	0.		0.			0.		
4	7	9	1	9	1	1	7	9	1	9	1	1	9	1	1
	0.	0.		0.			0.	0.		0.	0.	0.	0.		
5	7	9	1	9	1	1	7	9	1	5	7	9	9	1	1
<i>Defuzzification Process</i>															
	0.	0.	1.	0.	1.	1.	0.	0.	1.	0.	0.	0.	0.	1.	1.
	7	9	0	9	0	0	8	9	0	7	9	9	9	0	0
Purata Setiap Unsur	8	4	0	0	0	0	2	6	0	8	2	8	0	0	0
	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m
	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3
<i>Average Of Fuzzy Number (Skor Fuzzy)</i>															
	0.907			0.967			0.927			0.893			0.967		

Berdasarkan Jadual 7 di atas, kesemua item mempunyai nilai *threshold* $(d) \leq 0.2$. Sekiranya nilai purata dan penilaian pakar adalah kurang dari nilai *threshold* 0.2, item tersebut telah mendapat konsensus pakar. Peratus persetujuan pakar juga menunjukkan item B1, B2, B3, B4 dan B5 melebihi 75%. Namun begitu, kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α -cut = 0.5. Maka syarat ketiga dipatuhi.

Jadual 10 Bahagian C: Penilaian Pendekatan Penghayatan Ibadah dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat.

ITEM	
C1	Kandungan pendekatan penghayatan ibadah dalam menangani masalah sosial masyarakat menepati kaedahnya.
C2	Kandungan pendekatan penghayatan ibadah boleh diaplikasi dalam menangani masalah sosial masyarakat.
C3	Kandungan pendekatan penghayatan ibadah bersesuaian dalam menangani masalah sosial masyarakat.
C4	Kandungan pendekatan penghayatan ibadah lengkap dalam menangani masalah sosial masyarakat.
C5	Kandungan pendekatan penghayatan ibadah dijangka memberikan kesan dalam menangani masalah sosial masyarakat.

Jadual 11 Proses Menentukan Nilai 'D' (Threshold Value)

PAKAR	ITEM C				
	1	2	3	4	5
1	0.078	0.031	0.092	0.078	0.000
2	0.078	0.031	0.092	0.078	0.000
3	0.078	0.122	0.061	0.078	0.000
4	0.078	0.031	0.061	0.078	0.000
5	0.313	0.031	0.061	0.313	0.000
Nilai d setiap item	0.125	0.049	0.073	0.125	0.000

Jadual 12 Proses Menentukan Peratusan Kesepakatan Setiap Item dan Keseluruhan Item

	ITEM C				
	1	2	3	4	5
Bilangan Item $d \leq 0.2$	4	5	5	4	5
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	80.0%	100.0%	100.0%	80.0%	100.0%

Jadual 13 Defuzzification Process

PAKAR	ITEM														
	1			2			3			4			5		
1	0.			0.			0.			0.			0.		
	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1
2	0.			0.			0.			0.			0.		
	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1
3	0.			0.	0.		0.	0.		0.			0.		
	9	1	1	7	9	1	7	9	1	9	1	1	9	1	1

	0.		0.		0.	0.		0.		0.		0.		0.	
4	9	1	1	9	1	1	7	9	1	9	1	1	9	1	1
	0.	0.	0.	0.			0.	0.		0.	0.	0.	0.		
5	5	7	9	9	1	1	7	9	1	5	7	9	9	1	1
<i>Defuzzification Process</i>															
	0.	0.	0.	0.	0.	1.	0.	0.	1.	0.	0.	0.	0.	1.	1.
	8	9	9	8	9	0	7	9	0	8	9	9	9	0	0
Purata Setiap Unsur	2	4	8	6	8	0	8	4	0	2	4	8	0	0	0
	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m
	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3
<i>Average Of Fuzzy Number (Skor Fuzzy)</i>															
	0.913			0.947			0.907			0.913			0.967		

Berdasarkan Jadual 11 di atas, kesemua item mempunyai nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 . Sekiranya nilai purata dan penilaian pakar adalah kurang dari nilai *threshold* 0.2, item tersebut telah mendapat konsensus pakar. Peratus persetujuan pakar juga menunjukkan item C1, C2, C3, C4 dan C5 melebihi 75%. Namun begitu, kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α -cut = 0.5. Maka syarat ketiga dipatuhi.

Jadual 14 Bahagian D: Penilaian Pendekatan Penghayatan Tasawuf dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat.

ITEM	
D1	Kandungan pendekatan penghayatan tasawuf dalam menangani masalah sosial masyarakat menepati kaedahnya.
D2	Kandungan pendekatan penghayatan tasawuf boleh diaplikasi dalam menangani masalah sosial masyarakat.
D3	Kandungan pendekatan penghayatan tasawuf bersesuaian dalam menangani masalah sosial masyarakat.
D4	Kandungan pendekatan penghayatan tasawuf lengkap dalam menangani masalah sosial masyarakat.
D5	Kandungan pendekatan penghayatan tasawuf dijangka memberikan kesan dalam menangani masalah sosial masyarakat.

Jadual 15 Proses Menentukan Nilai 'D' (Threshold Value)

PAKAR	ITEM D				
	1	2	3	4	5
1	0.031	0.108	0.191	0.136	0.136
2	0.031	0.108	0.191	0.136	0.136
3	0.031	0.054	0.072	0.136	0.136
4	0.031	0.108	0.072	0.136	0.136
5	0.122	0.284	0.490	0.543	0.543
Nilai d setiap item	0.049	0.132	0.203	0.217	0.217

Jadual 16 Proses Menentukan Peratusan Kesepakatan Setiap Item dan Keseluruhan Item

	ITEM D				
	1	2	3	4	5
Bilangan Item d ≤ 0.2	5	4	4	4	5
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	100.0%	80.0%	80.0%	80.0%	100.0%

Jadual 17 Defuzzification Process

PAKAR	ITEM														
	1			2			3			4			5		
1	0.			0.			0.			0.			0.		
2	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1	9	1	1
3	0.			0.	0.		0.	0.		0.			0.		
4	9	1	1	9	1	1	7	9	1	9	1	1	9	1	1
5	0.	0.		0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.
Defuzzification Process	7	9	1	5	7	9	3	5	7	3	5	7	3	5	7
Purata Setiap Unsur	0.	0.	1.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.	0.
Average Of Fuzzy Number (Skor Fuzzy)	8	9	0	7	9	9	7	8	9	7	9	9	7	9	9
	6	8	0	8	2	8	0	6	4	8	0	4	8	0	4
	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m	m
	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3
	0.947			0.893			0.833			0.873			0.873		

Berdasarkan Jadual 15 di atas, kesemua item mempunyai nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 . Sekiranya nilai purata dan penilaian pakar adalah kurang dari nilai *threshold* 0.2, item tersebut telah mendapat konsensus pakar. Peratus persetujuan pakar juga menunjukkan item D1, D2, D3, D4 dan D5 melebihi 75%. Namun begitu, kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α -cut = 0.5. Maka syarat ketiga dipatuhi.

Berdasarkan penilaian pakar, kandungan rukun agama seperti Iman, Islam dan Tasawuf berperanan dalam menangani masalah sosial masyarakat. Keimanan merupakan titik permulaan dan menjadi dasar kepada elemen agama yang lain. Menurut Shohana (2010), keimanan yang membawa kepada ketakwaan mampu membimbing masyarakat mematuhi syariat Islam sehingga menuju kesejahteraan yang mana akhirnya setiap individu terangsang secara berterusan untuk berbuat amal kebaikan dan meninggalkan segala kejahatan. Menurut Amini Amir (2014) pula, keimanan serta ketakwaan turut boleh menjadi benteng kepada masyarakat daripada terjebak dengan gejala-gejala yang tidak sihat. Pendekatan Iman turut diaplikasikan di Pusat Rawatan Islam Manarah sebagaimana kenyataan Jahid Sidek (2021), dalam menangani masalah sosial, usaha yang pertama adalah berhubung dengan akidah. Ini kerana bagi beliau, seseorang yang menghayati akidah berada dalam keadaan yang sejahtera. Berdasarkan pandangan ini dapat dilihat bahawa dengan ketauhidan yang tinggi dapat membantu seseorang dalam apa jua keadaan yang dihadapi. Nada yang sama dikemukakan oleh Hasnul Hakim (2021) dari Pusat Rawatan Islam Darul Uloom al-Mustafa. Di sini dapat disimpulkan bahawa penghayatan iman merupakan langkah pertama yang perlu dilakukan bagi menangani masalah sosial masyarakat.

Penghayatan akidah tidak hanya terbatas kepada aspek tauhid semata-mata, bahkan ia perlu diimplementasikan dengan praktikal dan penghayatan ibadah. Ini kerana pelaksanaan ibadah merupakan satu bentuk manifestasi keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Menurut Zakaria (1999), ritual agama berperanan membangunkan sikap positif dalam kehidupan masyarakat. Menurut Mohd Syukri (2018) pula, setiap ibadah yang telah digariskan oleh Islam mengandungi falsafah tersendiri yang mana setiap amalan tersebut mempunyai kelebihan serta mendatangkan kesan baik terhadap seseorang. Menurut Wan Asrul (2021), Pengerusi Persatuan Terapi Islam al-Fatah praktikal ibadah seperti membaca al-Quran dan berpuasa dapat menangani masalah sosial masyarakat. Di sini dapat disimpulkan bahawa penghayatan ibadah perlu dilakukan bagi mengukuh serta memantapkan jiwa dalam menangani masalah sosial yang berlaku di kalangan masyarakat.

Tasawuf adalah asas dalam Islam yang berperanan dalam melengkapkan dan menyempurnakan iman dan amal. Ia menggunakan pendekatan yang bersifat praktikal dan serius bagi menghasilkan keberkesanan dalam pembentukan personaliti individu (al-Nadwi, 1969). Menurut Margaret Smith (1976), mereka yang menghayati tasawuf akan mengikat jiwanya terhadap Tuhan seterusnya sentiasa menjaga hatinya daripada godaan dunia dengan memusatkan diri melakukan amal soleh serta melaksanakan kehidupan beragama secara murni dan bersih. Dalam hal ini, sekali lagi Wan Asrul (2021) menyatakan bahawa elemen tasawuf perlu diterapkan dalam diri seseorang sebagai satu bentuk atau kaedah perawatan dalam menangani masalah sosial masyarakat. Beliau menekankan kepada konsep *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli*. *Takhalli* dengan makna membersihkan jiwa seperti bertaubat, *tahalli* menghiaskan diri dengan menambah dan mempertingkatkan amalan-amalan untuk mendekati diri kepada

Allah SWT dan *tajalli* memberi penampakan keindahan dalam diri seseorang hasil daripada usaha yang telah dilakukan.

KESIMPULAN

Masalah gejala sosial bukan sesuatu perkara yang boleh dipandang remeh kerana ianya akan memberi kesan negatif kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, suatu inisiatif perlu dilakukan bagi membendung perkara ini daripada terus berlaku. Antara pendekatan yang dapat digunakan adalah melalui kaedah pengubatan berteraskan spiritual Islam. Ini kerana berdasarkan sumber literatur antara faktor berlakunya masalah sosial dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan oleh masalah spiritual seseorang individu. Tindakan mengamalkan serta menghayati rukun agama secara holistik mendapat jaminan bukan sahaja sebagai pencegahan bahkan rawatan bagi masalah sosial yang berlaku. Walau bagaimanapun, pendekatan pengubatan berteraskan spiritual Islam turut disarankan untuk dilakukan secara bersepadu dengan kaedah konvensional mahupun moden yang lain selagi mana ia tidak bercanggah dengan Islam. Pengubatan berteraskan spiritual Islam juga boleh dijadikan sebagai pelengkap kepada seseorang yang terlibat dengan masalah sosial.

PENGHARGAAN

Penulisan artikel ini telah dibiayai sepenuhnya oleh dana Government Agency GA015-2020. Ia turut telah mendapat kelulusan daripada pihak Universiti Malaya Research Ethics Committee (UMREC) no. rujukan UM.TNC2/UMREC_1279. Penghargaan turut didedikasikan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu menjayakan penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2003). *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amini Amir Abdullah. (2014). *Islam yang Dinamik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Anas Ahmad Karzon. (2012). *Tazkiyatun Nafs: Gelombang Energi Penyucian Jiwa Menurut al-Qur'an dan as-Sunnah di atas Manhaj Salafus Shaalih*. Terj. H.Emiel Threeska. Jakarta: Penerbit Akbar Media Eka Sarana.
- Azlina Abdullah. (2010). Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad pertama abad 21 di Malaysia. *Akademika*, 78: 3-14.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Zaaba Helmi Khamisan. (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. Universti Teknologi Mara. Kuala Lumpur.

- Fazilah Idris, Nur Riza Mohd Suradi, Nur Riza Mohd Suradi, Syaznira Muhamad, Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan & Khalim Zainal. (2012). Influence of ritual behavior on religious delinquent behavior among youth: A path analysis approach. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 59: 51-60.
- Haslinda Abdullah. (2009). *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Dalam Haslinda Abdullah, Turiman Suandi, Abd. Halim Sidek, Sarjit S. Gill, Nobaya Ahmad dan Dzuhailmi Dahalan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hasimah Chik, Che Zarrina Sa'ari & Loh Ee Chin. (2017). Peranan spiritual dalam rawatan paliatif. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 19(2): 107-142.
- Hasnul Hakim Haji Muhammad Zaid. (2021). Temu bual pada 21 Februari 2021.
- Ibn Qayyim, Shams al-Din bin 'Abd Allah Muhammad Abi Bakr. (2001). *Madarij al-Salikin*. Jil 2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Jahid Sidek. (2021). Temu bual pada 4 Mac 2021.
- al-Kindi, Abu Yusuf Ya'qub ibn Ishaq. (T. Thn). *Risalah al-Hilah li Daf'i al-Ahzan*. Dalam 'Abd al-Rahman Badawi (ed.). *Rasa'il Falsafiyah*. Beirut: Dar Andalus.
- Margaret Smith. (1976). *The Way of the Mystics: The Early Christian Mystics and the Rise of the Sufis*. London: Sheldon Press.
- Mohd Asri Zainal Abidin. (2020). "Perubatan Islam: Istilah yang Disalahgunakan". Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Perlis, dicapai pada 7 Januari 2022, <https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/281-perubatan-islam-istilah-yang-disalahgunakan>
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohamad Zaim Ismail. (2016). Rawatan Kesihatan Berasaskan Perubatan Alternatif Islam: Persepsi Masyarakat di Malaysia. Dalam Fauzilayaton Mustafa. (Ed). *Rampak Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir dan Wan Ismail. (2013). "Peranan Ibadah Terhadap Kesihatan Jiwa". Seminar Falsafah Sains dan Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia Johor, 16 Mei 2013.
- M.Quraish Shihab. (2007). *Secercah Cahaya Ilahi*. Bandung: Mizan.
- Mohd Rushdan. (2015). "Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan dan Rehabilitasi Berasaskan TC (Therapeutic Community)", International Drug Prevention And Rehabilitation Conference.
- Mohd Saiful Akmal A.Karim, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badaruddin. (2021). Pendidikan Akhlak dalam Menangani Isu Gejala Sosial Pelajar. *International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3): 49-60.
- Mohd Yusoff, Zulkifli. (2004). *Gejala Sosial dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian dari Perspektif Wahyu*. Dalam Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi, 4-6 September 2004.
- Muhammad 'Izzu al-Din Taufiq. (2002). *al-Ta'sil al-Islami li al-Dirasat al-Nafsiyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Nadwi, Abu Hasan 'Ali al-Hasani. (1969). *Rabbaniyyah La Rahbaniyyah*. Beirut: Dar al-Fath.
- Nor Azah Abdul Aziz. (2011). Kaedah menangani stress dengan solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2): 1-10.

- Nor Azah Abdul Aziz & Syakirah Samsudin. (2008). "The Computerised Simulation of the Bodily Movement and Blood Circulation System During the Performance of Obligatory Prayers." Kertas prosiding dalam Seminar Antarabangsa Sains Islam dan Teknologi, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi: Al-Syabab Media.
- Norsaleha Mohd Salleh dan Abdul Halim Tamuri. (2015). Hubungan penghayatan akidah dengan ketenangan hati remaja. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2(1).
- Nozira Salleh. (2017). Tasawuf Menurut Perspektif Ahl Sunnah Wa Al-Jamaah. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017.
- Qurrotul Aien Fatah Yasin. (2012). Physical and spiritual miracles of muslims' ablution. *International Journal of Quranic Research*, 3(2): 67-83.
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman. (2020). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Al-Irsyad*, 5(2): 415-424.
- Sahlawati Abu Bakar, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail & Zanariah Dimon. (2017). Kaedah al-Quran dalam menangani masalah sosial: Kajian di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 10(1): 57-77.
- Sayed Sabiq. (2003). *Al-'Aqa'id al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li al-'Ilm al-'Araby.
- Shohana Hussin. (2010). Kesejahteraan dan Kedamaian Melalui Pembangunan Modal Insan: Kajian Teks Hidayah al-Salikin. Dalam Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, 24-25 Februari 2010, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.
- Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Zulkifli. (2017). Pengalaman remaja di Rumah Perlindungan dan Perubahan dalam makna hidup. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3: 1-11.
- Wan Asrul Wan Hussin. (2021). Temu bual dengan penulis pada 26 Feb 2021.
- Zakaria Din @ Nasirudin & Ab. Halim. (2010). Pendekatan Bersepadu Pengajaran dan Pembelajaran Akidah. Dalam Ab. Halim dan Nik Rahimi Nik Yusoff (ed). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zulkifli Dahalan & Wahairi Mahmud. (2009). Pengurusan perubahan menurut perspektif Islam. *Jurnal UITM Pulau Pinang*, 2(5): 93-113.